



MPC.600-5/1/16

8 Disember 2020

Encik Uzaidi Udanis
Presiden
Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)
Lot 4. 107, Tingkat 4, Wisma Central
Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tuan,

LANTIKAN SEBAGAI MODERATOR BAGI SESI WEBINAR BERKENAAN BEHAVIOURAL INSIGHTS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai *Behavioural Insights*, platform komunikasi secara online dipilih bagi mencapai matlamat tersebut. Sehubungan itu, MPC berhasrat untuk menjalankan webinar yang berperanan sebagai salah satu kaedah perkongsian ilmu yang efektif khususnya semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak MPC amat berbesar hati untuk melantik tuan sebagai moderator bagi lapan (8) sesi webinar yang dijadualkan pada 14, 15, 17 dan 18 Disember 2020. Pemberian honorarium sebanyak RM250.00 bagi setiap sesi akan dibayar bagi penyertaan sebagai moderator. Sekiranya tuan bersetuju dengan lantikan ini, mohon untuk mengembalikan surat setuju terima (Lampiran 1) selewat-lewatnya pada 9 Disember 2020. Terma dan Rujukan adalah seperti di Lampiran 2.

4. Untuk sebarang pertanyaan, tuan bolehlah menghubungi Pn. Nuraizah Harun di talian 017-3872284 atau emel di nuraizah@mpc.gov.my.

5. Sokongan dan kerjasama daripada tuan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan diharap dapat membantu ke arah memacu produktiviti negara.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MARIATUL AF-IDA MOHD TAJUL ARIFFIN)
Pengurus Kanan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

BORANG SETUJU TERIMA

**LANTIKAN SEBAGAI MODERATOR BAGI SESI WEBINAR *BEHAVIOURAL INSIGHTS* (BI)
BAGI 8 SESI WEBINAR PADA 14, 15, 17 & 18 DISEMBER 2020**

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor
Telefon: **017-387 2284 (Nuraizah)**
E-mel: **nuraizah@mpc.gov.my**

Saya, (No. KP:) bersetuju menerima tawaran daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai moderator bagi Sesi Webinar Behavioural Insights (BI) sebanyak 8 sesi melalui surat rujukan bertarikh 8 Disember 2020 dengan bayaran sebanyak RM250.00 bagi setiap sesi.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan

.....
()

Maklumat Individu	
Nama	
No KP	
Alamat	
No Telefon (HP)	
Email	
No Akaun Bank	
Nama Bank	

**TERMA RUJUKAN SEBAGAI MODERATOR
BAGI SESI WEBINAR BEHAVIOURAL INSIGHTS**

A. Skop Kerja

Bertindak sebagai moderator dalam perbincangan untuk memastikan objektif program tercapai.

B. Syarat Lantikan

Lantikan adalah bagi 8 sesi webinar.

C. Tarikh

Lapan (8) sesi webinar akan dijalankan seperti tarikh berikut:

i.	Sesi 1 (Pagi)	14 Disember 2020
ii.	Sesi 2 (Petang)	14 Disember 2020
iii.	Sesi 3 (Pagi)	15 Disember 2020
iv.	Sesi 4 (Petang)	15 Disember 2020
v.	Sesi 5 (Pagi)	17 Disember 2020
vi.	Sesi 6 (Petang)	17 Disember 2020
vii.	Sesi 7 (Pagi)	18 Disember 2020
viii.	Sesi 8 (Petang)	18 Disember 2020

D. Tempoh Masa

Setiap sesi akan dijalankan selama satu (1) jam sahaja.

E. Terma Bayaran

Bayaran sebanyak RM250.00 bagi setiap sesi akan dibuat selepas kesemua 8 sesi webinar dijalankan.